

DATE : 28 NOV 2024  
PUBLICATION : BERITA HARIAN  
SECTION : BISNES  
HEADLINE : VANZO FOKUS KEMBANG PERNIAGAAN  
CATEGORY : COMPANY  
MEASUREMENT : 206.4 CM<sup>2</sup>  
TONE : NEUTRAL  
REMARKS : N/A

# Vanzo fokus kembang perniagaan

**Pengeluar wangian udara sasar RM14 juta hasil IPO di Pasaran ACE**

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Vanzo Holdings Bhd** (Vanzo), peneraju dalam pengeluaran wangian udara di Malaysia, menyasarkan untuk meraih RM14 juta melalui penawaran awam permulaan (IPO) membabitkan terbitan 93.35 juta saham biasa pada harga runcit 15 sen sesaham.

Langkah ini berikutan pelancaran prospektus syarikat sempena penyenaaraiannya dalam Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd 17 Disember ini, menandakan fasa baharu dalam per-

kembangan Vanzo.

Pengarah Urusan Vanzo, Allan Wong, berkata berdasarkan modal saham diperbesar sebanyak 466,751,000 saham dan harga IPO tersebut, permodalan pasaran dianggarkan sekitar RM70 juta.

#### Perluas aktiviti pemasaran

Beliau yang juga Pengarah Eksekutif Bukan Bebas kumpulan berkata, hasil dikumpulkan daripada IPO itu membolehkan Vanzo memenuhi fasa seterusnya dalam pengembangan perniagaannya.

Vanzo katanya, memperuntukkan 47.2 peratus daripada hasil tersebut untuk pengembangan perniagaan dan aktiviti pemasaran.

Manakala 21.4 peratus untuk pembayaran balik pinjaman bank, manakala baki hasil digunakan untuk modal kerja dan perbelanjaan berkaitan penyenaaraiannya.

"Pengembangan perniagaan syarikat termasuk rancangan menubuhkan empat kios runcit baharu bagi meningkatkan keterlihatan jenama Vanzo dan mem-



Wong (dua dari kanan) pada majlis pelancaran prospektus Vanzo sempena penyenaaraiannya di Pasaran ACE pada 17 Disember ini, di Kuala Lumpur, semalam.

perluaskan pangkalan pelanggan.

"Vanzo secara prinsipnya terlibat dalam mereka bentuk, memasarkan dan menjual produk wangian udara serta produk berkaitan wangian.

"Pada masa ini, kumpulan mempunyai enam kios runcit di Malaysia dengan lima terletak di pusat beli-belah di Lembah Klang dan satu di Kuching, Sarawak," katanya selepas majlis pelancaran prospektus di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Wong berkata, sepanjang tahun ini, kumpulan melaksanakan langkah drastik dalam mengembangkan rangkaian produk dan wangiannya.

Beliau berkata, sehingga kini Vanzo memasarkan dan menjual 12 siri produk wangian kereta dan dalaman serta empat produk penjagaan diri dan rumah dengan 28 jenis wangian dengan memiliki formulasi bagi 12 daripada

wangian tersebut.

"Produk wangian kereta kami tersedia dalam bentuk produk wangian dalam balang atau wangian klip ventilator penyaman udara kereta dengan pelbagai saiz dan reka bentuk.

"Pada masa hadapan, kami akan terus menjalankan perniagaan sedia ada dalam reka bentuk, pemasaran dan penjualan produk wangian udara serta produk berkaitan wangian.

"Selain itu, kami percaya penyenaaraiannya ini menyediakan platform lebih besar kepada Vanzo untuk mengumpul dana dan mendapatkan modal bagi rancangan pertumbuhan kami.

"Kami akan memberi tumpuan kepada tiga strategi utama untuk mengekalkan perniagaan, termasuk mengukuhkan kehadiran, memperkuat jenama dan memperluaskan capaian pendedaran," katanya.